

# Program angkasawan kedua perlu kajian mendalam

**KUALA LUMPUR 31 Okt.** - Kajian mendalam perlu dilaksanakan secara menyeluruh sebelum merealisasikan program angkasawan kedua sesuai dengan kemampuan negara dalam melaksanakan misi dan visi berbentuk pembangunan.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), **Prof. Madya Lef-  
tenan Kolonel Mohamed Tarmizi Ahmad** berkata, kerajaan perlu melakukan penelitian lengkap dari segi impak terhadap sosioekonomi Malaysia.

Katanya, langkah itu amat perlu memandangkan program berkenaan melibatkan kos dan risiko yang tinggi.

“Matlamat kena jelas, antara fokus yang perlu diambil kira adalah bagaimana program ini dapat menjana kepakaran dan pulangnya kepada tahap ekonomi negara

dan bukan sekadar menunjukkan rakyat Malaysia sudah ke angkasa.

“Di India misalnya, mereka masih meneruskan program angkasawan sehingga kini kerana aspek teknologi dan kebaikannya terhadap pembangunan ekonomi negara mereka,” katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini hari ini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah semalam mengumumkan hasrat kerajaan untuk menggerakkan semula program misi menghantar angkasawan kedua ke stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) dengan melakukan misi yang berbeza.

Abu Bakar berkata, cadangan itu akan dikemukakan pada hujung tahun depan dan pihaknya sedang merangka perincian menerusi perjumpaan, perbincangan dan perundingan bersama golongan

saintis dan ahli akademik dalam menentukan jenis penyelidikan yang sesuai dilakukan angkasawan kedua kelak.

Sementara itu, Ketua Kumpulan Penyelidikan Sistem Avionik dan Teknologi, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr. Md. Amzari Md. Zhahir** berkata, kerajaan perlu memperkemas objektif pelaksanaan program itu supaya dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia secara keseluruhan.

“Saya melihat program sebelum ini lebih kepada faedah secara individu, kita mahukan sesuatu yang memberi kesan kepada rakyat juga.

“Mungkin program angkasawan mampu menaikkan imej negara, tetapi dalam masa sama perlu ada perancangan untuk melaksanakan kajian di angkasa yang boleh menguntungkan negara,” katanya.